

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 11.12.2021 MASA: 20.53

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN TONG KOMPOS &
PENANAMAN SAYUR BAGI PROGRAM
BERKEBUN DI HALAMAN RUMAH 2021 FASA 2**

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 DISEMBER 2021 (ISNIN)
8.30 PAGI

**DEWAN KENANGA MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Carlos Cano

Pengarah Urusan

Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

Warga Kerja MBSP

Wargakerja Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu pada pagi yang barakah ini di Majlis Penyerahan Tong Kompos dan Penanaman Sayur bagi Program Berkebun di Halaman Rumah 2021 Fasa 2 tajaan bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Encik Carlos Cano selaku Pengarah Urusan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan juga pasukan beliau yang menjadi penganjur bersama Program

Penyerahan Tong Kompos dan Penanaman Sayur bagi Program Berkebun di Halaman Rumah 2021 ini.

I would like to express my sincere thanks to Mr Carlos Cano, Managing Director of Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd., your company and all your team for your involvement in jointly developed environmental human capital through various programmes. We look forward to further future our collaboration in any fields that will increase and improve the living quality of the civil society. We have to keep on exploring new ideas, stay updated with the need of the community.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar (*urban farming*) dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran secara organik di Pulau Pinang dalam tempuh lima tahun bermula tahun 2020. MBSP pula telah melaksanakan Program Kebun Komuniti di Seberang Perai dan sehingga kini terdapat 30 komuniti yang terlibat, di mana 11 komuniti adalah daripada Seberang Perai Utara (SPU), 12 komuniti daripada Seberang Perai Tengah (SPT) dan tujuh (7) komuniti daripada Seberang Perai Selatan (SPS).

Mulai tahun 2022, MBSP berhasrat untuk mempromosikan pertanian bandar dengan memberi penekanan kepada usaha berkebun di halaman rumah, *backyard gardening and balcony gardening*. Sayur-sayuran boleh ditanam di hadapan, tepi atau belakang kawasan rumah selain di beranda atau di atas bumbung rumah.

Majlis pada hari ini ialah untuk menyerahkan tong kompos penanaman sayur bagi Program Berkebun Di Halaman Rumah 2021. Program ini merupakan Fasa Kedua bagi Program Berkebun Di Halaman Rumah yang telah dilancarkan pada 28 Ogos 2021. Syarikat Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. telah sudi untuk menjadi penaja program ini. Terima kasih.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Fasa Kedua program berkebun di halaman rumah, *backyard gardening and balcony gardening*, terdiri daripada 20 orang daripada 150 peserta yang telah berjaya menjalankan aktiviti berkebun di halaman rumah mereka. Mereka ini akan menerima hadiah sebuah tong penanaman sayur

dan pembuatan kompos yang bersaiz 200 liter bernilai RM200.00. Melalui pemberian tong ini, peserta seterusnya akan diajar untuk menghasilkan kompos sendiri melalui penggunaan sisa dapur masing-masing.

Harapan saya, sekiranya warga Seberang Perai dapat mempraktikkan aktiviti menanam sayur di hadapan, tepi, belakang, beranda atau di atas bumbung rumah sendiri, ini dapat memberi nilai tambah kepada penduduk seiring dengan pelbagai tuntutan norma baharu akibat pandemik COVID-19. Ia juga sejajar dengan sasaran MBSP, di mana penduduk dapat mengendalikan dan mempraktikkan pembuatan kompos dari sisa makanan di rumah. Ini akan memberi kesan positif di mana 40% daripada sisa yang bersamaan 246,000 tan dapat dialih daripada di bawa ke tapak pelupusan. Seterusnya, ini akan mengurangkan *tipping fees* sebanyak RM5.47juta, mengurangkan penghasilan jejak karbon sebanyak 307.5 kilo tan CO₂e dan mengekang pemanasan global supaya tidak melebihi 1.5°C. Di samping itu, penduduk dapat memakan sayur segar dan menjadikan komuniti serta Seberang Perai yang lebih mampan.

Program Berkebun Di Halaman Rumah ini sejajar dengan sasaran MBSP, iaitu penduduk dapat mengendalikan dan mempraktikkan pembuatan kompos dari sisa makanan di rumah, mencapai kadar kitar

semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan akhir sekali mewujudkan komuniti rendah karbon dalam menjadikan Seberang Perai sebagai *low carbon city* menjelang 2022, menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050.

Justeru, marilah kita menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim**” saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Tong Kompos dan Penanaman Sayur bagi Program Berkebun di Halaman Rumah 2021 Fasa 2.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.